

22-4-2025

Penduduk Pulau Pinang diminta simpan air untuk kegunaan 24-60 jam



GEORGE TOWN: Pengguna di Pulau Pinang yang akan terjejas akibat gangguan bekalan air berjadual bermula Jumaat ini diminta untuk menyimpan bekalan air secukupnya bagi kegunaan selama 24 hingga 60 jam.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (BPAPP) Datuk K.Pathmanathan berkata 40 peratus atau 136,683 daripada 341,708 akaun pengguna di semua kawasan yang terjejas di Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Daerah Timur Laut (DTL) di bahagian pulau dijangka mengalami gangguan bekalan selama 24 jam.

"Tempoh gangguan bekalan bagi 163,502 atau 48 peratus akaun pengguna di Seberang Perai Selatan (SPS) yang terjejas kecuali Kampung Sungai Baong, Kampung Wellesley, Taman Seruling Emas, Taman Widuri, Sungai Duri dan Kompleks Kuarters Penjara Seberang Perai dijangka berlaku selama 48 jam. "Seramai 41,523 atau 12 peratus pengguna di semua kawasan di Daerah Barat Daya (DBD) kecuali Balik Pulau (kejiranan di bahagian selatan), Gertak Sanggul, Kampung Terang, Pulau Betong and Sungai Ara dijadual mengalami gangguan bekalan selama 60 jam sehingga 10 malam Ahad," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau memaklumkan PBAPP akan menggerakkan 80 lori tangki dan menempatkan 182 tangki air di lokasi strategik di seluruh negeri sepanjang tempoh itu.

Katanya pengguna air domestik boleh mendapatkan air daripada tangki berkenaan di kawasan kejiranannya masing-masing.

Sebelum ini, Ketua Menteri Chow Kon Yeow berkata 341,708 akaun pengguna di lima daerah di Pulau Pinang akan terkesan dengan gangguan bekalan air dari 25 hingga 28 April, ekoran pelaksanaan 23 projek yang melibatkan kos keseluruhan RM25 juta.

Projek berkenaan bagi menambah baik perkhidmatan bekalan air kepada kira-kira 465,000 pengguna air di kawasan perkhidmatan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua.

Sementara itu, Pathamanthan berkata kerja-kerja fizikal bagi 23 projek kerja air itu dijadual siap sepenuhnya selewat-lewatnya 4 petang, Sabtu dan pemulihan bekalan air akan dimulakan selepas semua projek menjalani ujian akhir dan pengoperasian serta setelah LRA Sungai Dua memulakan semula operasi rawatan dan pengepaman air.

"Proses pemulihan bekalan air akan berlaku secara berperingkat disebabkan oleh perbezaan tempoh yang diambil untuk air terawat dari Sungai Dua sampai ke lokasi pengguna yang berbeza.

"Secara umumnya, pengguna di hulu yang terletak lebih dekat dengan Sungai Dua akan menerima bekalan air terlebih dahulu daripada pengguna hiliran yang lebih jauh," katanya.

-- BERNAMA